



**DR. KASIM Md. Mansur (kanan) dan Fauziah Sulaiman memotong riben sebagai tanda perasmian kemasukan kumpulan pertama penghuni Kolej UIB di Kota Kinabalu, baru-baru ini.**

# UMS sediakan kediaman baru untuk pelajar

UM 12.10.2011 30

KOTA KINABALU 11 Okt. - Usaha menyediakan penempatan yang mencukupi sentiasa diberi keutamaan oleh Universiti Malaysia Sabah (UMS) bagi memastikan ke-selesaian para penuntutnya.

Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) UMS, Prof. Madya Datuk Dr. Kasim Md. Mansur berkata, langkah itu sejajar dengan kemasukan penuntut di institusi pengajian tinggi berkenaan yang semakin meningkat setiap tahun.

“Penubuhan kolej kediaman baru iaitu Kolej Kediaman USIA-IBorneo (UIB) diharap dapat memenuhi matlamat Bahagian Perumahan dan Kebajikan Pelajar (BPKP) bagi menyediakan kemudahan penempatan kepada penuntut,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan kemasukan kumpulan pertama penuntut seramai 200 orang ke Kolej UIB, baru-baru ini.

Hadir sama Pengetua Kolej UIB,

Fauziah Sulaiman.

Sebelum ini, kolej tersebut yang terletak di menara pusat beli-belah IBorneo merupakan bangunan Pertubuhan Islam Seluruh Sabah (USIA).

Kasim berkata, kolej berkenaan selain menyediakan kemudahan pengangkutan kepada penuntut turut dilengkapi dengan kemudahan surau, dewan, bilik kegiatan dan rumah pengetua selain pejabat pentadbiran serta kemudahan lif dan kawalan keselamatan 24 jam.

Beliau menambah, kewujudan Kolej UIB yang boleh menempatkan 510 penuntut perempuan terletak dalam lokasi yang strategik iaitu di pusat beli-belah terbesar di Sabah dan berdekatan dengan kampus induk UMS.

“Ia sekali gus membantu merencanakan ekonomi khusus dari segi aspek pembangunan perumahan, pengangkutan dan infrastruktur setempat di negeri ini,” ujarnya.